

Lantikan PM bukan penamat kemelut politik

Sukar dijangka keadaan semasa, semua bergantung kepada sidang Dewan Rakyat

Kuala Lumpur: Kemelut politik negara masih belum selesai, walaupun Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin, selamat mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-8 dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam.

Profesor di Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zaid Ahmad, berkata sukar untuk dijangka keadaan politik semasa dan semuanya bergantung kepada persidangan Dewan Rakyat yang dijangka berlangsung bulan ini.

"Ada banyak perkara mungkin terjadi ketika sidang Parlimen, antaranya lompat parti yang tidak dapat dibayangkan kesannya.

"Selain itu, sekiranya usul undi tidak percaya dibuat terhadap Perdana Menteri, ada dua kemungkinan sama ada beliau akan kekal jika meraih sokongan dan terus menjadi pemerintah sekali gus menubuhkan Kabinet," kata-

nya ketika dihubungi *BH* semalam.

Berdasarkan pemerhatiannya, Zaid menyifatkan kedua-dua gabungan, iaitu Perikatan Nasional yang menyokong Perdana Menteri dan Pakatan Harapan (PH) diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai kekuatan hampir seimbang.

"Kelihatannya kekuatan kedua-dua gabungan ini hampir seimbang. Jadi, tentu Muhyiddin perlu berhati-hati, khususnya dalam lantikan menteri kerana ia perkara yang sensitif.

"Misalnya dalam UMNO, siapakah antara pemimpin mereka yang akan dilantik menjadi menteri kerana ada isu yang berbangkit," katanya.

Beliau turut berkata, konflik politik yang berpanjangan ini berpunca daripada golongan elit politik yang 'mencatur' tanpa mempedulikan soal rakyat.

"Rakyat sebenarnya melihat apa kerajaan ingin lakukan untuk mereka khususnya membaiki taraf hidup, itu yang ditunggu-tunggu.

"Ada banyak kesan jika konflik ini berterusan kerana mungkin ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyuarakan ketidakpuasan hati, tentu perkara ini tidak baik kepada negara.

"Dalam hal ini, rakyat seharusnya berterima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong kerana menguruskan konflik politik ini dengan sangat terkawal dan berjaya menunjukkan kepada dunia, Malaysia berada dalam keadaan

baik," katanya.

Sementara itu, pakar Perlembagaan dan peguam kanan, Datuk Salehuddin Saidin, berkata masih ada peluang kepada PH mencabar keabsahan pelantikan Perdana Menteri ketika ini.

"Bukan bermakna apabila sudah dilantik oleh Seri Paduka dan mengangkat sumpah ia penamat kepada segalanya kepada mereka.

"Jika benar PH mempunyai kepercayaan majoriti wakil rakyat, tunggu sehingga sidang Dewan Rakyat dengan membawakan satu usul undi tidak percaya terhadap PM yang baru dilantik untuk diputuskan," katanya.

Salehuddin berkata, ada dua pilihan kepada Perdana Menteri sekiranya usul undi tidak percaya berkenaan mendapat sokongan majoriti Ahli Parlimen.

"Pertama, PM boleh meletakkan jawatan, kedua beliau boleh mengadap Seri Paduka untuk meminta baginda melaksanakan kuasa bagi pembubaran Dewan Rakyat.

"Ini tertakluk di bawah kuasa Seri Paduka, atas permintaan seorang Perdana Menteri.

"Seri Paduka juga mempunyai beberapa pilihan, sama ada setuju membubarkan Parlimen atau sekiranya ia tidak dipersetujui, maka Perkara 43 (2) (a) akan berjalan semula, selain boleh meminta PM meletakkan jawatan," katanya.

Sallehuddin berkata, dalam membicarakan berkaitan Perlembagaan, masyarakat perlu tahu dan sedar Seri Paduka mampu-

nyai kuasa yang amat luas dalam melaksanakan budi bicara.

"Apabila Seri Paduka memanggil semua Ahli Parlimen mengadap dengan melaksanakan proses pemilihan bagi menentukan siapa yang mendapat kepercayaan majoriti di bawah Perkara 43 (2) (a), ia dibenarkan oleh undang-undang.

"Dalam tempoh mereka dipanggil, angka sokongan kepada Perdana Menteri yang dicadangkan terus berubah dari semasa ke semasa.

"Justeru, Seri Paduka berasakan sudah ada calon yang mendapat kepercayaan majoriti, jadi mengapa kita hendak kacau kerana ia dilakukan mengikut Perlembagaan," katanya.

Salehuddin turut menjelaskan, pemilihan Perdana Menteri yang dibuat oleh Seri Paduka sebagai tindakan tepat memandangkan ada dalam kalangan Ahli Parlimen yang bertindak melompat parti sehingga mengakibatkan konflik peralihan kuasa ini berlarutan.

"Pada ketika itu baginda berasakan Muhyiddin sudah mendapat kepercayaan majoriti, tetapi ada pula yang bertindak melompat parti selepas Seri Paduka membuat keputusan.

"Takkan mereka (Ahli Parlimen) ini menjangkakan Seri Paduka akan membuat pemilihan semula, sampai bila perkara ini akan berakhir. Jadi saya melihat baginda melakukan perkara yang betul dengan menamatkan proses pemilihan Perdana Menteri ini mengikut undang-undang," katanya.



Ada banyak perkara mungkin terjadi ketika sidang Parlimen, antaranya lompat parti yang tidak dapat dibayangkan kesannya.

Zaid Ahmad,
Profesor di Jabatan Pengajian,
Kenegaraan dan
Ketamadunan, UPM



Masih ada peluang PH cabar keabsahan perlantikan Perdana Menteri ketika ini.

Salehuddin Saidin,
Pakar Perlembagaan
dan peguam kanan

Kemelut politik Malaysia

21 Februari (Jumaat)

- Mesyuarat Majlis Presiden PH dipengerusikan Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana, berlangsung tegang sebelum peralihan kuasa Perdana Menteri (PM) ditentukan sepenuhnya Dr Mahathir.

23 Februari (Ahad)

- Pertemuan dan mesyuarat membabitkan semua parti politik dan kumpulan Ahli Parlimen berlangsung di beberapa lokasi sepanjang hari hingga mencetuskan kegemparan, sesuatu bakal berlaku.
- Sekumpulan Ahli Parlimen BERSATU, PKR, UMNO dan PAS berkumpul di Hotel Sheraton, Petaling Jaya untuk Majlis Makan Malam Muafakat Ahli Parlimen hingga tersebar khabar angin pembentukan kerajaan baharu.

24 Februari (Isnin)

- Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu bertemu Dr Mahathir di Seri Kembangan.
- Dr Mahathir hantar surat peletakan jawatan sebagai PM dan Pengerusi BERSATU.
- Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin dipecat daripada parti itu.
- Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin, umum parti itu keluar daripada PH.
- Azmin, Zuraida bersama sembilan lagi umum keluar PKR.
- Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, umumkan Yang di-Pertuan Agong terima peletakan jawatan Dr Mahathir, tetapi berkenan melantiknya sebagai Perdana Menteri interim.

Kabinet diketuainya terbubar.

- Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU dalam mesyuarat tergepar menolak peletakan jawatan Dr Mahathir sebagai Pengerusi.

25 Februari (Selasa)

- Kumpulan pertama 90 Ahli Parlimen daripada BN, PAS dan GPS, menghadap untuk ditemubual oleh Yang di-Pertuan Agong.
- UMNO dan PAS tarik balik sokongan kepada Dr Mahathir.

26 Februari (Rabu)

- Kumpulan kedua Ahli Parlimen daripada BERSATU, PKR dan DAP menghadap Yang di-Pertuan Agong.
- Masa sama, 54 ADUN Johor menghadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar.
- Dr Mahathir menerusi perutusan khas, mengumumkan hasrat kerajaan campuran tanpa

membabitkan mana-mana parti.

- PH mengumumkan Anwar sebagai calon PM.

27 Februari (Khamis)

- Dr Mahathir menghadap Yang di-Pertuan Agong.
- Istana Johor umum negeri itu ditadbir kerajaan baharu.
- Dr Mahathir umum sidang khas Parlimen dijadualkan 2 Mac.

28 Februari (Jumaat)

- Dr Mahathir hadir pertemuan Ahli Parlimen BERSATU di Yayasan Al Bukhary.
- Persidangan Khas Majlis Raja-Raja membincangkan perkembangan politik semasa di Istana Negara.
- BERSATU umum Muhyiddin sebagai calon PM ke-8 dengan sokongan BN dan PAS.
- ADUN Benut, Datuk Hasni Mohammad, angkat sumpah sebagai Menteri Besar Johor

baharu.

- Speaker Dewan Rakyat tolak usul sidang khas yang diumumkan Dr Mahathir kerana tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat.

29 Februari (Sabtu)

- PH umum sokongan semula kepada Dr Mahathir sebagai PM.
- Ketua parti dan gabungan utama menghadap Yang di-Pertuan Agong, selepas Muhyiddin dan Dr Mahathir, masing-masing mendakwa cukup sokongan.
- Yang di-Pertuan Agong umum pilih lantik Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai PM-8.

1 Mac (Ahad)

- Sidang media terakhir Dr Mahathir sebagai PM interim.
- Tan Sri Muhyiddin Yassin angkat sumpah sebagai PM ke-8 di Istana Negara.